

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN MALAYSIA 1986
Lokasi : BILIK FAKULTI BLOK D, INTAN, BUKIT KIARA
Tarikh : 09-10-1986

Bismillahir Rahmanir Rahim Yang Berusaha Encik Samsudin Osman, Pemangku Pengarah INTAN;

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Jawatankuasa Kursus;

Yang Berbahagia Para Peserta Kursus;

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah diberi peluang sekali lagi untuk turut sama melibatkan diri di dalam Kursus Isteri Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Malaysia. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada INTAN kerana telah memberi kesempatan dan penghormatan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan pembukaan Kursus Isteri Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1986, kali yang kesepuluh ini.

2. Seperti juga pada tahun-tahun yang lepas, Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan meninggikan lagi kefahaman para isteri pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan diplomat Malaysia mengenai beberapa perkara yang perlu diketahui bagi memainkan peranan mereka sebagai seorang isteri pegawai kanan yang berkesan dan berkebolehan. Semasa berkursus nanti, puan-puan sekalian akan didedahkan dengan perkara-perkara seperti sejarah, perlembagaan, politik, ekonomi, keselamatan serta dasar luar negara Malaysia. Di samping untuk meningkatkan lagi keperibadian para isteri, perkara-perkara seperti tatususila sosial, teknik berucap di khalayak ramai, pembangunan dan kesihatan keluarga, dan lain-lain perkara boleh membantu para isteri supaya dapat menyesuaikan diri dengan segera di rantau orang akan terus dikekalkan. Pendek kata program Kursus ini dirancang sedemikian rupa bagi membantu puan-puan dalam menjalankan tugas masing-masing dengan penuh yakin dan lancar.

Puan-puan sekalian,

3. Isteri-isteri pada hemat saya merupakan suatu kuasa yang senyap tetapi membawa kesan dan manfaat yang amat luas.

Sikap dan tingkah-laku puan-puan mempunyai kesan-kesan tertentu sama ada positif ataupun negatif. Penghayatan sikap ini merupakan satu perkara pokok yang perlu disedari oleh semua isteri pegawai-pegawai kanan Kerajaan termasuklah isteri para pemimpin negara, lebih-lebih lagi bagi para isteri yang akan mengikut suami mereka bertugas atau mengikuti kursus di luar negeri, kerana peranan mereka mempunyai 'dimension' dan 'impact' yang amat mustahak. Puan-puanlah nanti yang akan bertanggungjawab untuk memberikan gambaran sebenar kepada negara luar tentang rakyat, pembangunan dan keharmonian negara kita.

4. Imej sesuatu negara itu tidaklah hanya terletak kepada pengetahuan dan tingkah-laku seorang pegawai kanan atau pegawai diplomat sahaja. Pembawaan dan tingkah-laku para isteri diplomat semasa bergaul dan berhubung dengan pegawai-pegawai asing dan isteri-isteri mereka juga merupakan faktor penting yang boleh menentukan buruk baiknya imej sesuatu negara. Dalam hal ini, saya rasa tunjuk ajar tidak dapat semata-mata diberi dalam bilik-bilik kuliah sahaja. Ianya harus lahir daripada diri puan-puan sendiri. Oleh itu pengkajian diri adalah sesuatu yang perlu, untuk memastikan sama ada gerak-geri, kelakuan dan percakapan puan-puan itu menyebabkan berlakunya perselisihan faham. Andainya berlaku tingkah-laku yang kurang sempurna, maka sudah tentu ianya boleh menjejaskan nama baik negara kita. Oleh yang demikian puan-puan perlulah selalu berwaspada dengan percakapan dan tingkah-laku

puan-puan apabila berada di kalangan orang asing supaya imej negara kita sentiasa terpelihara.

5. Penghayatan sikap ini tidaklah hanya ditujukan kepada para isteri pegawai-pegawai diplomat sahaja, bahkan ianya juga penting bagi para isteri pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang lain. Pada hemat saya puan-puan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang serupa dengan para isteri diplomat di luar negeri. Ini adalah kerana dari masa ke semasa negara kita menerima kedatangan para pembesar luar negeri bersama isteri masing-masing. Dalam hubungan ini puan-puan boleh memainkan peranan yang sewajarnya apabila menerima kunjungan mereka dan berinteraksi dengan tetamu-tetamu dari luar negeri itu.

6. Selain daripada matlamat untuk mewujudkan sikap yang positif di kalangan para isteri, saya juga berkeyakinan bahawa Kursus ini dapat menarik puan-puan sekalian ke arah kesedaran tentang betapa pentingnya diwujudkan semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan ahli-ahli dan para isteri perwakilan-perwakilan di luar negeri. Menyentuh tentang semangat perpaduan dan kerjasama ini, saya kira perkara yang penting ialah berusaha untuk mengikis sikap mementingkan diri sendiri serta sikap iri hati terhadap orang lain. Apabila semangat kerjasama dan perpaduan dapat diwujudkan sudah tentu masalah yang rumit dapat diatasi dan kerja yang berat akan menjadi ringan. Semangat kerjasama dan saling mengerti sesama kita apabila berada di luar negeri kelak bukan sahaja akan memberi imej yang baik terhadap negara, bahkan merupakan contoh bagi orang-orang asing membuat tanggapan tentang keadaan negara kita yang sebenarnya.

Puan-puan sekalian,

7. Selain daripada menjaga perpaduan dan kerjasama ini, perlulah kita sedar bahawa dalam keadaan berdukacita umpamanya, sakit-pening, masalah dalam keluarga dan sebagainya, kita akan mencari rakan-rakan karib atau sekawan untuk mendapatkan nasihat dan pertolongan mereka. Orang yang hidup berasingan atau tidak bermasyarakat dan tidak mesra dengan orang lain akan merasa hidup mereka terencil baik semasa mereka gembira ataupun sebaliknya.

Puan-puan sekalian,

8. Secara tidak langsung puan-puan adalah pendorong kepada kejayaan suami. Puan-puan dikehendaki menjaga nama baik dan maruah suami puan kerana dengan demikian imej dan jentera Kerajaan akan juga menikmati jasa puan-puan sekalian. Bagi mencapai hasrat ini puan-puan mestilah memahami tugas dan tanggungjawab suami secara khusus supaya dapat membantu meringankan sedikit beban tugas yang dipikul oleh suami puan-puan.

9. Oleh itu adalah menjadi harapan saya bahawa melalui Kursus ini para isteri akan dapat meninggikan lagi pengetahuan dan kesedaran masing-masing terhadap isu-isu dan masalah-masalah semasa negara kita, serta segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi isu-isu dan masalah-masalah tersebut.

10. Dalam pada itu saya juga berharap supaya tanggungjawab terhadap keluarga dan anak-anak tidak diabaikan walaupun puan-puan sentiasa sibuk dengan tugas seharian. Dengan ertikata lain, mendidik dan membimbing anak-anak juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Sebagaimana yang kita ketahui, negara kita sekarang menghadapi banyak ancaman-ancaman yang boleh merosakkan pemikiran masyarakat dan pembangunan negara seperti masalah penyalah-gunaan dadah dan gejala kebudayaan Barat. Oleh itu peranan puan-puan dalam hal ini sangatlah diperlukan untuk membantu mengatasi gejala ini. Ini adalah kerana semenjak akhir-akhir ini sering benar kita terdengar soal-soal kemerosotan disiplin dan keruntuhan moral anak-anak muda kita diperbincangkan.

Amat jelas dan nyata sekali golongan anak-anak muda hari ini telah terlalu banyak didedahkan kepada unsur-unsur budaya kuning dari Barat seperti muzik 'rock' dan sebagainya.

11. Pengaruh kebudayaan ini tidak langsung memperlihatkan nilai-nilai kesopanan serta tidak sesuai dengan kebudayaan kita. Sekiranya perkara ini tidak dibendung ianya akan terus mencemar nilai-nilai

budaya negara kita yang selama ini kita pelihara dan sanjung. Justeru itu adalah menjadi peranan puan-puan memastikan anak-anak kita terus dipupuk dengan perasaan cintakan negara sendiri. Walaupun kursus yang akan puan-puan ikuti nanti tentu tidak dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi, namun saya percaya dengan pengetahuan dan kesedaran, ianya bukan sahaja akan dapat mewujudkan kesetiaan dan perasaan cintakan negara bahkan akan dapat meninggikan kemampuan puan-puan untuk menghadapi masalah-masalah pada masa-masa akan datang.

12. Puan-puan sekalian sungguh bertuah kerana dapat mengikuti kursus ini dan menimba pengetahuan yang berguna daripadanya. Saya percaya Kursus yang puan-puan akan ikuti ini boleh memberikan pemahaman dan pengalaman mengenai soal-soal asas dan penting daripada segi pembentukan sikap kepimpinan, teknik perhubungan yang berkesan, dasar dan struktur pentadbiran negara, sejarah dan sosio-budaya negara. Ini adalah hasil daripada usaha gigih INTAN untuk memperbaiki program kursus dari masa ke semasa, berdasarkan maklum-balas yang diterima daripada para peserta kursus yang lepas dan juga nasihat-nasihat yang diberi oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kursus ini.

13. Untuk makluman para hadirin, oleh kerana kursus-kursus INTAN ini mendatangkan kesan yang baik kepada para peserta yang lepas, maka satu mini kursus panduan telah diaturkan di London oleh Yang Berbahagia Datin Rahmah isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia untuk isteri para pegawai diplomat kita di sana. Kursus tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datin Masnah Rais pada 3hb. Oktober, 1986 dan kedua-dua mereka ini hadir untuk bersama-sama menyertai kursus pada hari ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Datin Rahmah kerana usaha beliau menganjurkan kursus panduan bagi isteri para pegawai diplomat kita di London.

14. Saya faham ramai di antara puan-puan adalah lepasan daripada institusi-institusi pengajian tinggi dan kebanyakannya pula telah mempunyai banyak pengalaman sosial dan akademik. Mungkin Kursus ini tidak sewajar dengan kelayakan tinggi puan-puan tetapi saya selalu ingin memperingati puan-puan dan diri saya, bahawa secerdak-cerdeknnya manusia, selengkap-lengkapnya pengetahuan manusia, akan ada juga satu dua perkara yang baru dan baik untuk dipelajari dan difahami lagi.

15. Memandangkan kepada usaha dan perhatian yang berat yang diberikan oleh INTAN untuk merancang dan mengendalikan Kursus ini, maka saya ingin meminta kerjasama daripada peserta-peserta kursus sekalian supaya jangan mensia-siakan usaha INTAN ini dan berharap puan-puan semua akan mengikuti Kursus ini dengan serius dan penuh ketekunan.

16. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN atas usahanya menerus dan menjadikan Kursus ini sebagai projek latihan tetapnya. Saya percaya Kursus pada kali ini akan dapat dijalankan dengan lebih cekap, licin dan sesuai dengan kehendak-kehendak puan-puan. Bagi puan-puan yang akan mengikuti Kursus ini, saya mengucapkan selamat maju jaya dan semoga segala pengetahuan yang diperolehi akan dijadikan sumber untuk meninggikan lagi maruah dan nama baik negara Malaysia yang kita cintai.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Dengan kata-kata ini, saya dengan segala sukacitanya mengisytiharkan Kursus Isteri Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1986 ini dibuka dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.